

06/05/1997

Anwar persoal laporan Asiaweek

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Anwar Ibrahim mempersoalkan laporan Asiaweek yang membuat pelbagai spekulasi mengenai kedudukan Tan Sri Muhammad Muhd Taib sebagai Naib Presiden Umno.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, laporan itu tidak perlu dilayan.

"Ruangan khabar angin, buat apa nak layan. Sejak bila mereka (Asiaweek) diberi kredibiliti," katanya selepas melancarkan Malaysia Life Reinsurance Group Bhd (MLRGB) di sini, hari ini.

Keluaran terbaru majalah itu menyebut Muhammad akan meletak jawatan sebagai Naib Presiden Umno sebelum kes perbicaraannya di Mahkamah Brisbane, Australia bermula pada 19 Ogos ini.

Muhammad didakwa kerana gagal mengisytiharkan wang tunai berjumlah RM2.4 juta yang dibawanya di Lapangan Terbang Brisbane pada 22 Disember lalu.

Laporan itu menyebut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan melantik Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib sebagai Naib Presiden Umno yang baru.

(END)